



DUA JUTA KENDERAAN DIJANGKA MASUK KELANTAN SEMPERA AIDILADHA, 41 LOKASI 'HOTSPOT' DIPANTAU RAPI

RAKYAT KELANTAN DISERU SAMBUT HARI WUKUF DI 14 PARLIMEN, ESOK

KELANTAN PASTIKAN BEKALAN LEMBU KORBAN MENCUKUPI, 30,000 EKOR DIIMPORT DARI THAILAND

JANGAN TERTIPU IKLAN SUPLEMEN KESIHATAN, PILIH PRODUK LULUS KKM - EXCO KESIHATAN

REE PACU EKONOMI BAHARU, PMBK- LYNAS METERAI KERJASAMA STRATEGIK

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Jun – Unsur Nadir Bumi (REE) yang dikenal pasti sebagai sumber mineral baharu di bumi Kelantan bakal menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan syarikat Lynas Malaysia.

Majlis menandatangani MoU yang berlangsung pada Jumaat itu menandakan detik bersejarah dalam usaha kerajaan negeri untuk meneroka dan memanfaatkan sepenuhnya potensi REE yang terdapat di tanah milik PMBK.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyifatkan REE sebagai anugerah Allah SWT yang perlu diurus secara berhemat dan bertanggungjawab agar manfaatnya kembali kepada rakyat serta menyumbang kepada pembangunan negeri.

"Saya menaruh harapan tinggi agar kerjasama ini bukan sahaja melibatkan aktiviti di peringkat hulu, malah meliputi keseluruhan rangkaian industri termasuk peringkat pertengahan dan hiliran.

"Pendekatan menyeluruh ini penting dalam mewujudkan ekosistem industri REE yang mampan serta menyumbang secara langsung kepada ekonomi negeri," katanya



menerusi satu hantaran di media sosial miliknya pada Jumaat.

Beliau turut menekankan kepentingan pemindahan teknologi dan kepakaran melalui kerjasama strategik ini, dengan harapan pembangunan modal insan tempatan yang berkemahiran tinggi dapat diwujudkan.

"Saya berharap Lynas dapat memainkan peranan aktif dalam bimbingan operasi carigali dan pengeluaran REE yang menepati piawaian serta amalan terbaik antarabangsa," katanya lagi.

Terdahulu beliau mewakili PMBK menandatangani MoU dengan syarikat Lynas Malaysia yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Manda Lacaze, di Putrajaya.

Sementara itu Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan yang turut hadir dalam majlis menandatangani MoU

tersebut menjelaskan bahawa penilaian awal menunjukkan Kelantan memiliki simpanan REE sebanyak 2.5 juta tan, dengan 30 peratus daripadanya terletak di luar kawasan hutan simpan.

"Ini membolehkan penerokaan REE dapat dilaksanakan mengikut dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menekankan kelestarian alam.

"PMBK yang memperoleh kelulusan Lesen Melombong Tuan Punya pada April 2025 bagi kawasan 380 hektar, dengan sasaran pengeluaran komersial pada tahun 2027, tertakluk kepada kelulusan dan pematuan peraturan yang berkuat kuasa," katanya juga menerusi catatan di media sosial miliknya pada Jumaat.

Tambahnya, kerajaan negeri bertekad membangunkan industri berkenaan secara menyeluruh,

termasuk pemindahan teknologi, pembangunan tenaga kerja mahir dan pembentukan ekosistem industri mampan.

"Oleh itu, kerjasama ini penting dalam merealisasikan potensi sumber asli Kelantan sebagai pemangkin ekonomi negeri, serta menjadi wasilah keberkatan dan kesejahteraan rakyat", ujarnya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Lynas Rare Earths, Amanda Lacaze seperti yang dilaporkan beberapa media tempatan berkata, MoU itu bakal menggabungkan pengalaman lebih satu dekad Lynas dalam industri nadir bumi dengan potensi besar sumber tempatan di Kelantan.

"Lynas berbesar hati untuk menandatangani MoU ini dengan PMBK. Ini menandakan satu pencapaian penting bukan sahaja untuk syarikat, malah untuk pembangunan industri nadir bumi Malaysia secara menyeluruh," katanya.

Menurutnya lagi, simpanan tanah liat ionik di Malaysia, terutamanya di Kelantan mempunyai potensi tinggi untuk menjadi bahan mentah utama bagi operasi Lynas pada masa hadapan, memandangkan kandungan unsur nadir bumi berat yang tinggi dan amat diperlukan dalam pengeluaran teknologi masa hadapan seperti kenderaan elektrik dan peralatan elektronik canggih.



RAKYAT KELANTAN DISERU SAMBUT HARI WUKUF DI 14 PARLIMEN, ESOK

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 5 Jun – Umat Islam di seluruh Kelantan diseru menzahirkan solidariti ummah dengan mengagungkan kebesaran Hari Wukuf menerusi penglibatan dalam program Sambutan Penghayatan Hari Wukuf, esok.

Program kerohanian berkenaan dijadualkan berlangsung serentak di 14 kawasan Parlimen negeri ini pada 9 Zulhijjah, Jumaat.

Program tahunan anjuran kerajaan negeri itu dijadualkan bermula pukul 9.00 pagi dan melibatkan pelbagai pengisian rohani serta tazkirah khas sempena kemuncak ibadah haji yang sedang berlangsung di Tanah Suci.

Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menyeru seluruh muslimin dan muslimat agar mengambil peluang memperbanyakkan amalan sunat, khususnya puasa sunat Arafah, bagi yang tidak mengerjakan haji.

“Hari Wukuf adalah hari yang

LOKASI

KOTA BHARU Taman Tengku Anis, Tanjong Chat	TANAH MERAH Masjid Mukim, Pekan Gual Ipoh
TUMPAT Dewan Terbuka SMU (A) Bustanus Saadah Morak	KUALA KRAI Dataran Chinta Wangsa
PASIR MAS Perkarangan Masjid As Solihin Mukim Bechah Semak, Bunut Susu	RANTAU PANJANG Dataran Apam Putra, Majlis Daerah Pasir Mas, Lubok Jong
PASIR PUTEH Arena Square, Belakang Pantai Timur	KUBANG KERIAN Wisma Tok Guru, Chabang Tiga Pendek Salor
BACHOK Kompleks Pendidikan Islam, Kg Badak, Bachok	PENGKALAN CHEPA Pusat Rekreasi Pulau Kundur
MACHANG Dataran Kemahkotaan Machang	KETEREH Masjid Ar Rahim Mukim Sungai Pasir
JELI Dataran Ilmu Jeli	GUA MUSANG Masjid Buluh, Gua Musang

amat agung di sisi Allah SWT. Sunat bagi mereka yang tidak berada di Arafah untuk berpuasa pada hari itu. Semoga penghayatan ini menjadi asbab turunnya keberkatan kepada rakyat dan negeri Kelantan secara keseluruhannya,” ujarnya ketika dihubungi, hari ini.

Menurut beliau lagi, program

tersebut bukan sahaja bertujuan menyemarakkan suasana ibadah dalam kalangan rakyat, tetapi juga sebagai satu pendekatan menyatukan hati umat Islam dalam doa, pengharapan dan pengorbanan, selari dengan semangat Aidiladha.

Kerajaan negeri turut mengalu-alukan penglibatan seluruh la-

pisan masyarakat agar menjadikan program ini sebagai satu medan pengislahan diri dan peningkatan takwa.

“Semoga usaha ini menjadi amal jariah yang berkekalan dan membuka jalan kepada kebaikan yang lebih besar buat negeri ini, insya-Allah,” katanya lagi.

DASAR AWAM BUKAN SEKADAR DOKUMEN, TETAPI KOMPAS CAPAI KESEJAHTERAAN RAKYAT

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA BHARU, 4 Jun - Dasar awam menjadi kerangka utama bagi menentukan hala tuju sesebuah kerajaan sama ada di peringkat persekutuan atau negeri.

“Dasar awam juga bukan sekadar dokumen atau pernyataan hasrat, tetapi ia adalah satu kompas yang menggerakkan seluruh jentera pentadbiran dalam mencapai matlamat kesejahteraan rakyat.”

Demikian ucapan Timbalan Exco Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-undang YB Wan Rohimi Wan Daud ketika merasmikan Seminar Dasar Awam Malaysia Peringkat Negeri Kelantan, semalam.

Beliau juga menegaskan terdapat tiga prinsip utama yang perlu diutamakan dalam menggariskan dasar awam iaitu keadilan, maslahah ummah (membawa kebaikan kepada umum) dan amanah serta integriti (pentadbiran bebas dari ra-



suah dan kronisme).

Tambahnya lagi, Kelantan juga mempunyai acuan dan identiti tersendiri dalam melaksanakan dasar.

“Sebagai contoh, beberapa dasar negeri yang telah digubal dan sedang dilaksanakan termasuklah Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Kelantan, Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan dan beberapa dasar lain lagi kesemuanya dirancang secara bersepadu dan berpaksikan prinsip pembangunan

insan menyeluruh yang bersumberkan nilai-nilai Islam,” ujarnya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Institut Latihan Darulnaim (ILDAN), Borhanuddin Ahmad berkata objektif seminar itu dibuat adalah untuk memberi pendedahan yang cukup menyeluruh berkaitan dengan dasar awam di Malaysia termasuk cabaran dan cara melaksanakannya.

Selaku pihak menganjur, beliau juga berharap agar seminar tersebut memberi impak maksimum kepada

peserta dalam mendokong kerja-kerja pelaksanaan dasar awam di peringkat negeri.

Manakala, Panel Pembentang seminar iaitu Pengarah Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Lestari (APPGM-SDG) Dr Khairil Izamin Ahmad turut menzahirkan rasa gembira dapat berkongsi ilmu dan pengalaman dengan peserta yang hadir dari pelbagai agensi dan jabatan.



IBRAH AIDILADHA: PENGORBANAN DALAM KERJAYA TUNJANG KEJAYAAN ORGANISASI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 5 Jun – Peristiwa agung Aidiladha yang memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s. menjadi inspirasi utama dalam memahami makna sebenar pengorbanan dalam kehidupan dan kerjaya, khususnya dalam membina organisasi yang cemerlang.

Menurut Pengarah Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad, penghayatan terhadap Aidiladha perlu diperluaskan daripada sudut ibadah semata-mata kepada penerapan nilai-nilai luhur dalam urusan seharian, termasuk di medan kerja.

“Seperti Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail yang sanggup menyerahkan segalanya demi ketaatan kepada Allah SWT, demikian jugalah warga kerja dalam organisasi harus berkorban masa, tenaga dan keutamaan peribadi demi merealisasikan agenda besar seperti Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI),” katanya sempena



perayaan Aidiladha 1446H.

Tambahnya, ibadah korban yang disyariatkan membawa makna mendalam kepada konsep tanggungjawab dan amanah dalam menunaikan tugas yang diamanahkan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mulk ayat 15 turut menjadi peringatan bahawa pencarian rezeqi dan pelaksanaan tanggungjawab adalah satu bentuk ibadah yang tinggi nilainya.

“Maka berjalanlah kamu di se-

gala penjurunya dan makanlah dari rezeqi-Nya. Dan kepada-Nya-lah kamu (kembali) dibangkitkan,” petik beliau.

Beliau turut menekankan bahuwa kerja yang dilakukan dengan ikhlas, jujur dan tekun merupakan satu bentuk jihad, yang bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan organisasi tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan ummah secara keseluruhan.

“Setiap pengorbanan yang

dilakukan dengan niat lillahi ta’ala, tidak akan pernah sia-sia. Ia menjadi saham akhirat yang besar nilainya,” jelasnya.

Razuan turut menyeru semua warga kerja agar menjadikan Aidiladha sebagai medan muhasabah dan pembaharuan semangat, selain memperkukuh nilai kebersamaan dalam pasukan.

“Kejayaan tidak pernah datang dari usaha individu semata-mata. Ia lahir daripada semangat berpasukan, kesediaan untuk saling berkorban dan bekerjasama demi matlamat yang lebih besar,” ujarnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa nilai pengorbanan dalam kerjaya bukan hanya terletak pada hasil kerja semata-mata, tetapi pada keikhlasan dalam menyumbang kepada pembangunan organisasi yang diberkati Allah SWT.

“Semoga segala usaha yang kita lakukan menjadi amal jariah yang berpanjangan dan menjadi punca kejayaan organisasi serta kesejahteraan negeri secara keseluruhannya,” katanya.

DUA JUTA KENDERAAN DIJANGKA MASUK KELANTAN SEMPENA AIDILADHA, 41 LOKASI ‘HOTSPOT’ DIPANTAU RAPI



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 5 Jun – Lebih dua juta kenderaan dijangka membanjiri jalan raya utama di Kelantan menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha hujung minggu ini, susulan kepulangan perantau ke kampung halaman bagi menyambut hari kebesaran Islam bersama keluarga dan menunaikan ibadah korban.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar

YB Dato’ Dr Izani Hussin berkata, lonjakan trafik kali ini dijangka melebihi jumlah kenderaan semasa musim Aidilfitri lalu, sejajar dengan cuti panjang dan penglibatan ramai dalam ibadah korban.

“Kita menjangkakan pertambahan ketara jumlah kenderaan memasuki negeri ini, terutama di laluan masuk utama dan pusat bandar. Namun, kita yakin pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersedia sepenuhnya untuk mengawal aliran trafik serta keselamatan pengguna jalan raya,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr Izani memaklumkan bahawa sebanyak 41 lokasi telah dikenal pasti sebagai ‘hotspot’ kesesakan dan berisiko tinggi berlaku kemalangan, justeru kawalan dan rondaan akan dipertingkatkan di kawasan terbabit sepanjang musim perayaan.

“Antara laluan yang sering mencatatkan kes kemalangan serius

termasuk Jalan Pasir Mas–Rantau Panjang, Jalan Kota Bharu–Kuala Krai serta Jalan Gua Musang–Jeli. Laluan-laluan ini akan diberi perhatian khas kerana aliran trafiknya sangat tinggi menjelang dan selepas hari raya,” jelas beliau.

Pihak berkuasa juga akan melaksanakan pemantauan berterusan termasuk penggunaan teknologi pengawasan serta penyelarasan trafik di persimpangan utama, khususnya yang menghubungkan laluan persekutuan dan lebuhraya.

raya.

Orang ramai disaran merancang perjalanan lebih awal dan sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa bagi mengelakkan kesesakan berpanjangan serta risiko kemalangan.

“Keutamaan kita bukan sahaja kelancaran trafik, tetapi keselamatan pengguna jalan raya. Oleh itu, pemandu diminta sentiasa berwaspada, elakkan pemanduan berlebihan tanpa rehat serta patuhi had laju,” ujarnya.



KELANTAN TERUS UNGGULI INISIATIF KELUARGA SAMARA 2025

Oleh: Asri Hamat

TANAH MERAH, 1 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda pembangunan keluarga Sakinah, Mawaddah dan Rahmah (SAMARA) apabila menganjurkan Sambutan Hari Suami Isteri 2025 yang berlangsung meriah di Dataran Majlis Daerah Tanah Merah pada Sabtu.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Rohani Ibrahim dalam ucapan perasmianya menegaskan bahawa Kelantan sentiasa memberi penekanan kepada pembentukan keluarga yang sejahtera selaras dengan panduan syariah.

“Dasar Keluarga Mawaddah, yang digazetkan sejak tahun 2008, menjadi tunjang kepada usaha kerajaan negeri dalam melahirkan keluarga yang memiliki nilai sakinah, mawaddah dan rahmah atau disebut sebagai keluarga “SAMA-RA”.

“Manakala program Hari Suami Isteri pada hari ini pula yang merupakan satu-satunya dianjurkan di negara ini, malah mungkin di dunia, yang mengiktiraf kasih sayang dan cinta antara suami isteri secara patuh syariah.



“Ia alternatif yang lebih bermakna kepada sambutan seperti hari kekasih yang tiada nilai dalam Islam,” katanya ketika berucap merasmikan program tersebut pada Sabtu.

YB Rohani juga turut mengimbas pesanan Almarhum Tan Sri Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat, agar umat Islam menolak budaya cinta bebas yang belum dihalalkan.

Tambah beliau, dalam sebuah mahligai perkahwinan tidak bebas dari pelbagai cabaran. Ia merupakan satu fitrah dalam membina bahtera keluarga.

“Sebuah mahligai perkahwinan pasti lah ada keindahan dan cabaran tersendiri.

Setiap kali usia perkahwinan bertambah, cabaran pasti ada. Namun itu adalah fitrah kepada sebuah

perjuangan bernama bahtera keluarga.

“Selagi kita masih bernyawa, tiada insan akan terlepas daripada ujian kerana dunia adalah tempat ujian.

“Keluarga bahagia bukanlah yang sempurna, tetapi yang saling menerima dan menghargai kekurangan masing-masing,” tambahnya.

YB Rohani juga menyeru semua pasangan agar sentiasa memperbetul niat, memperbaiki komunikasi, mewujudkan suasana harmoni, mengamalkan ibadah bersama serta mendoakan kebahagiaan rumah tangga mereka.

Turut hadir, Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin, Timbalan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesi-



hatan dan Alam Sekitar YB Dato’ Abdul Rahman Yunus, Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN) Timbalan Ketua Jajahan Tanah Merah, Norazman Mat Nawawi dan Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Ilvira Mohd Dasuki.

Antara pengisian menarik pada program tersebut perkongsian tips membina keluarga mawaddah oleh penceramah dan motivator tersohor tanah air Ustaz Muhammad Abdullah al-Amin.

Di samping itu, acara sukan melibatkan pasangan suami isteri di padang turut diadakan sebagai simbol usaha memperbaharui kehangatan cinta.

Anak-anak pula disediakan aktiviti khas dalam dewan bagi memberi ruang kepada ibu bapa menikmati “honeymoon kedua”.

KELANTAN PASTIKAN BEKALAN LEMBU KORBAN MENCUKUPI, 30,000 EKOR DIIMPORT DARI THAILAND



Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTIH, 29 Mei – Kerajaan Negeri Kelantan memberi jaminan bahawa bekalan lembu bagi tujuan ibadah korban sempena Aidiladha tahun ini berada pada tahap mencukupi, hasil perancangan rapi termasuk langkah mengimport sebanyak 30,000 ekor lembu dari Thailand.

Timbalan Menteri Besar Kelan-

tan Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan, memaklumkan bahawa tiada sebarang isu besar melibatkan bekalan lembu setakat ini dan semua agensi berkaitan telah digerakkan untuk memastikan keperluan semasa ditampung dengan baik.

“Kerajaan negeri telah mengamalkan langkah awal dengan kerjasama penternak tempatan serta agensi-agensi berkaitan bagi memasti-

kan bekalan mencukupi. Persiapan ini penting bagi menjamin kelancaran ibadah korban yang bakal dilaksanakan oleh umat Islam di seluruh negeri,” katanya ketika berucap merasmikan Karnival Inovasi Bioteknologi Pertanian dan Ekspo Dapur Hijau 2025 di Pantai Bisikan Bayu, hari ini.

Beliau turut menekankan kepentingan memperkukuh sektor ternakan secara jangka panjang melalui penerapan teknologi moden dan bioteknologi, termasuk usaha penyelidikan serta pembangunan (R&D) yang menyokong pertanian lestari.

“Kita mahu sistem ternakan yang lebih mampan dan tidak terlalu bergantung kepada import. Justeru, golongan muda digalakkan menceburi bidang ini sebagai usa-

hawan ternakan bagi memperluaskan lagi rangkaian bekalan makanan negeri,” katanya.

Sementara itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail memaklumkan bahawa kerajaan negeri dengan kerjasama agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan melaksanakan beberapa inisiatif menjelang sambutan Aidiladha.

“Antara program khas yang dirancang termasuk penyediaan padang ragut secara percuma, bantuan logistik bagi pemindahan haiwan ternakan serta skim galakan ibadah korban yang menyasarkan penyertaan komuniti luar bandar,” katanya.

JANGAN TERTIPU IKLAN SUPLEMEN KESIHATAN, PILIH PRODUK LULUS KKM – EXCO KESIHATAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Jun – Orang ramai diingatkan agar berwaspada terhadap lambakan iklan suplemen kesihatan di media sosial dan hanya memilih produk yang mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tegas Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah.

Menurut beliau, terdapat banyak makanan tambahan dan ubat-ubatan tidak berdaftar dipromosi secara agresif di platform digital tanpa kawalan, sekali gus mengundang risiko kesihatan serius kepada pengguna.

“Sekarang terlalu banyak makanan tambahan dijual secara dalam talian. Jangan mudah terpengaruh dengan testimoni dan janji manis. Kesihatan bukan tempat untuk kita ambil risiko. Rujuk doktor terlebih dahulu sebelum ambil apa-apa ubat atau suplemen,” katanya

dalam satu temu bual di Molek FM pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perkembangan kesihatan awam negeri itu yang menunjukkan penurunan kadar penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan kolesterol pada tahun 2024, hasil pelaksanaan program kesedaran berterusan oleh kerajaan negeri bersama agensi kesihatan melalui dasar Kelantanku Sihat dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

“Alhamdulillah, kedua-dua penyakit ini telah menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2024. Ini hasil usaha gigih memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Kelantan,” ujarnya.

Menurut YB Hilmi, peningkatan kadar diabetes dan kolesterol yang direkodkan pada tahun 2023 berpunca daripada budaya pemakanan tidak sihat, termasuk pengambilan kuih-muih manis yang menjadi kegemaran masyarakat setempat.

Terdahulu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 mendedahkan bahawa Kelantan mencatat kadar penyakit tidak berjangkit sedikit lebih tinggi berbanding purata nasional.

Laporan itu menyebut 16.3 per-

atus atau seorang daripada enam rakyat Kelantan menghidap diabetes, berbanding 15.6 peratus di peringkat kebangsaan. Manakala 34.9 peratus penduduk negeri itu mengalami kolesterol tinggi, melebihi angka nasional iaitu 33.3 peratus.

Turut dilaporkan hampir 2.3 juta rakyat Malaysia menghidap gabungan tiga penyakit utama iaitu diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol pada kadar 54.4 peratus mempunyai berat badan berlebihan dan hanya tiga daripada sepuluh individu melakukan senaman secara berkala.

Mengulas lanjut, YB Hilmi menyeru rakyat agar segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan sekiranya mengalami simptom awal dan tidak menunggu sehingga keadaan menjadi serius.

“Kalau rasa badan tak sedap, jangan tangguh. Terus pergi ke klinik atau hospital untuk sa-

ringan. Tindakan awal mampu menyelamatkan nyawa,” tegasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa kerajaan negeri terus komited meneruskan program intervensi seperti 10K Langkah Ameerah, Senam Cergas Komuniti, serta Klinik Bergerak dan kempen saringan percuma yang diperluas ke kawasan luar bandar.

Penurunan kadar diabetes dan kolesterol di negeri ini bukan sahaja petanda keberkesanan dasar kesihatan Kelantan, tetapi juga mencerminkan peningkatan kesedaran rakyat terhadap pentingnya amalan gaya hidup sihat.

“Ini bukan pengakhiran, tetapi satu permulaan ke arah membina masyarakat Kelantan yang lebih sihat dan sejahtera. Kita mahu Kelantan menjadi model kesihatan komuniti untuk seluruh negara,” katanya mengakhiri temu bual.



AKSB PASTIKAN BEKALAN AIR BERSIH MENCUKUPI DI MUSIM PERAYAAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 4 Jun – Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sentiasa bersiap siaga bagi memastikan bekalan air bersih mencukupi di sepanjang musim perayaan sempena sambutan Aidiladha pada tahun ini.

Timbalan Menteri Besar Kelan-

tan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, persediaan AKSB untuk membekalkan air bersih semasa perayaan adalah sama seperti musim lalu.

“AKSB buat persediaan untuk bekalan air bersih di musim perayaan Aidiladha sana seperti musim perayaan Aidilfitri yang lepas.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mesyuarat Exco, di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Katanya lagi, sambutan Aidiladha di Kelantan sentiasa meriah secara tradisinya.

“Kalau mahu sambut hari raya

Aidiladha, sambutlah di Kelantan, kerana sambutan Aidiladha di sini sangat meriah.

“Jadi saya atas dasar semangat kekeluargaan sangat-sangat menantikan kepulangan anak-anak Kelantan di perantauan untuk pu-

lang beraya bersama keluarga.

“Cuma, pastikan kenderaan dalam keadaan baik dan selamat. Semasa di jalan raya, pastikan memandu dengan berhati-hati dan berhati-hati serta mengikut peraturan,” ujarnya.



KELANTAN PACU PERTUMBUHAN INDUSTRI TENAGA BOLEH BAHARU DENGAN PROJEK SOLAR SKALA BESAR

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Jun—Kelantan terus menunjukkan komitmen terhadap pembangunan lestari apabila memeterai perjanjian (MoU) pembangunan dan pemasangan Projek Solar Berskala Besar (Large Scale Solar, (LSS) antara Samaiden Group Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, Samaiden Legasi Timur Sdn Bhd, dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), di bawah program LSS5 Malaysia.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, projek tersebut bakal dibangunkan di kawasan seluas hampir 400 ekar (162 hektar) di Kampung Serongga, mukim Apam, Gual Perioek menjadikannya sebagai antara projek tenaga hijau terbesar yang pernah dirancang di negeri Kelantan.

“Projek ini melibatkan pemasangan sebanyak 279,390 unit modul fotovoltaik (PV), dengan kapasiti eksport maksimum 99.99 megawatt



(MW) arus ulang-alik (AC).

“Tenaga elektrik yang dijana akan disalurkan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui satu Perjanjian Pembelian Tenaga (Power Purchase Agreement, PPA).

“Setelah siap kelak, projek ini dijangka mengatasi Ladang Solar Terapung Danau Tok Uban dan menjadi projek solar terbesar di Kelantan,” katanya menerusi catatan di media sosial miliknya pada Jumaat.

Katanya lagi, dari aspek ekonomi, PKINK dijangka meraih hasil sekitar RM30 juta sepanjang

tempoh 21 tahun menerusi pajakan tanah dan cukai penilaian hartanah, memberikan pulangan yang stabil serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

“Projek ini turut memanfaatkan penggunaan tanah terbiar atau kurang produktif, sekaligus meningkatkan nilai hartanah di kawasan terlibat,” jelasnya.

Ujar beliau lagi, usaha tersebut menandakan kemajuan sektor tenaga boleh diperbaharui di Kelantan. Sekali gus membuka ruang kepada pelaburan baharu dalam teknologi hijau.

Ia turut menjadi pemangkin kepada kemasukan teknologi moden serta menggalakkan pembangunan ekonomi negeri secara mampan.

“Dari sudut sosial dan alam sekitar, projek ini berpotensi menjana peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, khususnya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

“Ia juga menyediakan platform latihan dan pendedahan industri kepada graduan tempatan. Dalam jangka panjang, penggunaan tenaga solar ini bakal menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon dan membantu Kelantan mendepani cabaran perubahan iklim,” ujarnya.

Dalam majlis yang diadakan pada Rabu lalu, PKINK diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Ahmad Nazri Ismail, manakala Samaiden diwakili oleh Pengarah Urusan Kumpulan Samaiden Datuk Ir. Chow Pui Hee.

Majlis tersebut disaksikan oleh Dato' Dr Izani Husin dan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Dato' Sr Zamri Ismail.

41 KAKITANGAN MPKB-BRI TERIMA APC

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 4 Jun — Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) sekali lagi membuktikan kecemerlangan perkhidmatannya apabila seramai 41 warganya diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024.

Majlis penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan YB Hilmi Abdullah, di Dewan Jubli Perak, pada Ahad.

YB Hilmi menyifatkan majlis yang penuh penghargaan itu sebagai manifestasi komitmen MPKB-BRI dalam mengangkat budaya kerja cemerlang dan menyemai iltizam dalam kalangan seluruh warga kerjanya.

Beliau menzahirkan ucapan tahniah dan berharap agar penerima APC 2024 akan terus menjadi pencetus semangat kepada 818 lagi kakitangan MPKB-BRI untuk meningkatkan mutu penyampaian



perkhidmatan bandar secara konsisten.

“Anugerah ini bukan sekadar pengiktirafan, tetapi satu dorongan untuk semua warga kerja terus memberikan khidmat terbaik yang mendukung aspirasi Kota Bharu sebagai sebuah bandar raya Islam yang mampan dan progresif,” katanya.

Antara pencapaian signifikan yang turut diraikan ialah kejayaan Bahagian Mekanikal MPKB-BRI dalam pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala Menteri KPKT, apabila projek inovasi mereka berjaya meraih tempat ke-10 daripada 30 penyertaan akhir, sekaligus

membawa pulang geran bernilai RM35,000 daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

MPKB-BRI turut memperkukuh kedudukannya sebagai antara PBT terbaik negara dengan pelbagai pengiktirafan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2024. Antara pencapaian utama termasuk Bandar ke-16 Terbaik Asia Tenggara dan ke-433 Terbaik Dunia, Anugerah The Champion of Ease of Doing Business bagi kelulusan terpan-tas projek skala kecil PBT seluruh Malaysia, Bandar Mampan 2024 dan melepasi Indeks Kebaha-



giaan 2025 berdasarkan penilaian MurniNets, Johan Taman Rekreasi Awam dan Johan Taman Perumahan Terbersih dalam pertandingan Kelantanku Bersih 2024.

Tidak terkecuali, Anugerah Lima Bintang sempena Audit Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024.

YB Hilmi juga memperakui kejayaan berterusan itu jelas membuktikan keberkesanan tadbir urus, kecekapan pentadbiran serta kekuatan modal insan MPKB-BRI yang menjadi tulang belakang dalam merealisasikan misi bandar yang bersih, indah, efisien dan berintegriti.



AKSB PASTIKAN BEKALAN AIR BERSIH
MENCUKUPI DI MUSIM PERAYAAN

600 PESERTA MERIAHKAN 10K LANGKAH 2025 SERLAHKAN GAYA HIDUP SIHAT

Oleh: Norzana Razaly

PASIR MAS, 3 Jun – Seramai 600 peserta membanjiri perkarangan Dewan Majlis Daerah Pasir Mas bagi menyertai program tahunan 10K Langkah Ameerah Bersama Keluarga 2025 yang menyerlahkan gaya hidup sihat.

Program anjuran Ameerah Pasir Mas buat kali ketiga itu bertemakan keluarga dan mendapat kerjasama erat bersama Persatuan Aspirasi Pasir Mas dan Kelab Prihatin Pasir Mas.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir, YB Mohamad Nasriff Daud menyifatkan program kecergasan fizikal yang menjadi salah satu slot khas dalam acara Senimas Vintage dan Kesenian Anak Muda tersebut menjadikan pengisian tahun ini lebih segar dan inklusif.

Beliau memuji usaha Ameerah Pasir Mas dan rakan penganjur yang konsisten dalam menjadikan program kemasyarakatan berkenaan sebagai wadah kesihatan, per-



paduan dan kebajikan komuniti.

“Langkah kita hari ini bukan hanya untuk kesihatan tubuh, tetapi juga melambangkan langkah bersama membina keluarga dan masyarakat yang sejahtera,” ujarnya dalam ucapan perasmian, pada Sabtu.

Menurut Pengerusi Ameerah Pasir Mas Nur Atikah Sudin, seawal pukul 7.30 pagi, peserta berkumpul di perkarangan dewan untuk memulakan langkah bersama keluarga dan pemimpin setempat di pintu gerbang Senimas Vintage yang terletak di hadapan dewan MDPM, menyusuri laluan sekitar

bandar Pasir Mas.

“Program yang disusun rapi bertepatan dengan cuti sekolah penggal pertama, membolehkan penyertaan 600 ahli keluarga dari pelbagai lapisan masyarakat.

“Apatah lagi ia turut dimemeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat isteri Menteri Besar Kelantan Datin Panglima Perang Datin Wan Norhanita Wan Yaacob dan isteri YB ADN Pengkalan Pasir Rosilawaty Abu Bakar,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Turut mengiringi, Pengerusi Kelab Prihatin Pasir Mas Dr. Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin dan



aktivis masyarakat dan pakar kesihatan komuniti Dr. Muhammad Izzat Md Kamal.

Perbezaan dengan edisi tahun sebelumnya, tahun 2023 tampil dengan tema “Run with Boots, Fun with Books”, manakala tahun 2024 membawa semangat patriotik melalui tema “Langkah Serikandi Demi Pertiwi”, edisi kali ini lebih menyentuh nilai asas kekuatan ummah iaitu keluarga.

Sepanjang program, peserta turut disajikan dengan pelbagai aktiviti sokongan seperti senam ro-bik, cabutan bertuah, pameran kesihatan dan jualan komuniti.

KERAJAAN NEGERI BERSEDIA DENGAR SUARA PEKEBUN KECIL, BERI TEMPAT DALAM PERANCANGAN DASAR NEGERI



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmennya untuk terus memberi perhatian dan ruang kerjasama kepada pekebun kecil, untuk memastikan suara petani dan pekebun kecil diberi tempat dalam perancangan dasar negeri, di samping untuk memperkasa sektor pertanian serta menjaga kebajikan golongan berkenaan di negeri ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menerusi satu hantaran di media sosial miliknya pada Selasa.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat daripada delegasi Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) yang diketuai Presidennya, Adzmi Hassan di pejabatnya di

Mabna.

Turut hadir dalam delegasi berkenaan ialah Setiausaha Agung PKPKM, Ketua Biro Kebajikan serta wakil-wakil pekebun kecil dari Kelantan.

Dato’ Tuan Mohd Saripudin berkata, kunjungan tersebut bertujuan untuk berkongsi maklumat, pandangan serta harapan besar berkaitan masa depan industri pertanian, khususnya melibatkan peranan dan nasib pekebun kecil di Kelantan.

“Antara isu utama yang dibincangkan dalam pertemuan itu termasuklah kebajikan pekebun kecil, akses kepada bantuan kerajaan, pengukuhan dasar pertanian, serta peranan strategik PKPKM sebagai penghubung antara kerajaan dan komuniti pekebun kecil,” jelas-

ya.

Beliau turut menyatakan penghargaan terhadap semangat dan usaha gigih yang ditunjukkan oleh PKPKM dalam memperjuangkan nasib para petani dan pekebun kecil.

“Insya-Allah, Kerajaan Negeri akan terus membuka ruang kerjasama seperti ini demi memastikan suara petani dan pekebun kecil sentiasa didengar dan diberi tempat dalam perancangan dasar negeri,” katanya.

Untuk rekod, PKPKM yang ditubuhkan sejak tahun 1975 merupakan badan yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai wakil tunggal pekebun kecil di Malaysia. Sehingga tahun 2023, PKPKM mempunyai lebih daripada 150,000 ahli, dengan hampir 50,000 daripadanya merupakan ahli aktif.